



# **AGI IDUP AGI NGELABAN**

**NARATIF PEJUANG-PEJUANG  
PARAMILITARI DAN REJIMEN RENJER DIRAJA**

**NEILSON ILAN MERSAT  
REGINA GARAI  
MOHD MELINTANG ABDULLAH**

# **AGI IDUP AGI NGELABAN**

**NARATIF PEJUANG-PEJUANG  
PARAMILITARI DAN REJIMEN RENJER DIRAJA**

# **AGI IDUP AGI NGELABAN**

**NARATIF PEJUANG-PEJUANG  
PARAMILITARI DAN REJIMEN RENJER DIRAJA**

**NEILSON ILAN MERSAT  
REGINA GARAI  
MOHD MELINTANG ABDULLAH**

# AGI IDUP AGI NGELABAN

NARATIF PEJUANG-PEJUANG  
PARAMILITARI DAN REJIMEN RENJER DIRAJA

© UNIMAS Publisher, 2021

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh  
UNIMAS Publisher,  
Universiti Malaysia Sarawak,  
94300 Kota Samarahan,  
Sarawak, Malaysia.

Dicetak oleh  
PPKS Production Sdn. Bhd.,  
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi,  
93350 Tabuan Jaya,  
Kuching, Sarawak  
Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Neilson Ilan Mersat

AGI IDUP AGI NGELABAN : NARATIF PEJUANG-PEJUANG PARAMILITARI  
DAN REJIMEN RENJER DIRAJA / NEILSON ILAN MERSAT, REGINA GARAI,  
MOHD MELINTANG ABDULLAH.

ISBN 978-967-2298-77-9

1. Armies--Malaysia--Sarawak--Anecdotes.
  2. Soldiers--Malaysia--Sarawak--Anecdotes.
  3. Special forces (Military science)--Malaysia--Sarawak--Anecdotes.
  4. Government publications--Malaysia.
- I. Regina Garai. II. Mohd Melintang Abdullah.

III. Judul.

808.882

# *Kandungan*

<b>Titah Perutusan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail</b>	ix
<b>Sekapur Sirih</b>	xi
<b>Prakata</b>	xiii
<b>Penghargaan</b>	xv
<b>Bab 1 Pengenalan</b>	17
<b>Bab 2 Lt Kol Anwar Basha Khan bin Zakaria (Bersara)</b>	31
<b>Bab 3 Sarjan Dato' Awang anak Raweng (Bersara), GC</b>	41
<b>Bab 4 Lans Koperal Bajau anak Ladi (Bersara), PGB</b>	59
<b>Bab 5 Sarjan Mejar Bandi anak Apat (Bersara)</b>	69
<b>Bab 6 Sarjan Dajai anak Anggie (Bersara), PGB</b>	77
<b>Bab 7 Lt Muda David Fu Chee Meng (Bersara), PGB</b>	89
<b>Bab 8 Kol Dunstan Nyaring anak Angking (Bersara)</b>	97
<b>Bab 9 Lt Kol Fabian Wong Boon Soon (Bersara)</b>	105
<b>Bab 10 Lt Kol James Tomlow anak Isa (Bersara)</b>	117



<b>Bab 11 Lt Kol Linus Lunsong Janti (Bersara)</b>	125
<b>Bab 12 Mejar Michael Riman anak Bugat (Bersara), PGB</b>	137
<b>Bab 13 Sarjan Midong anak Gunde (Bersara)</b>	149
<b>Bab 14 Lt Kol Mohd Melintang Abdullah (Bersara)</b>	159
<b>Bab 15 Koperal Nyayang anak Angie (Bersara)</b>	175
<b>Bab 16 Lt Kol Robert Rizal Abdullah (Bersara), PGB</b>	187
<b>Bab 17 Pegawai Waran 1 Salang anak Kara (Bersara)</b>	199
<b>Bab 18 Mejar Sharkawi bin Dawi (Bersara)</b>	209
<b>Bab 19 Koperal Sigai anak Nawan (Bersara), PGB</b>	217
<b>Bab 20 Leftenan Jeneral Datuk Stephen Mundaw (Bersara)</b>	231
<b>Bab 21 Mejar Sylvester Pungga anak Bunchol (Bersara)</b>	241
<b>Bab 22 Mejar Walter Ted Wong (Bersara)</b>	251
<b>Bab 23 Pegawai Waran 1 Dato Wilfred Billy Panyau (Bersara)</b>	263
<b>Bab 24 Kesimpulan</b>	273
<b>Rujukan</b>	277
<b>Senarai responden yang ditemu bual</b>	279
<b>Glosari</b>	287
<b>Indeks</b>	293
<b>Latar Belakang Penulis</b>	297





TITAH PERUTUSAN  
DYMM TUANKU SYED SIRAJUDDIN  
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh dan Salam Sejahtera

*Agi Idup Agi Ngelaban* adalah cogan kata yang menjadi pegangan dalam perjuangan setiap anggota Kor Rejimen Renjer Diraja. Cogan kata tersebut menuntut seseorang untuk menunjukkan semangat juang dan keberanian yang tinggi dan tetap mara berjuang sehingga ke nafas yang terakhir. Sebagai benteng yang terakhir dalam menggalas tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara memanglah sesuatu yang sangat berat. Mereka adalah golongan yang paling aktif dalam menentukan keamanan dan menjamin keselamatan rakyat di negara ini. Setiap pengorbanan mereka merupakan sumbangan yang sangat berharga kepada negara.

Sumbangan mereka dalam bentuk penat lelah dan keringat serta titisan darah dan juga nyawa. Rejimen Renjer Diraja juga telah menempa banyak kejayaan dalam menghapuskan pengganas komunis yang sentiasa ingin meranapkan keamanan dan keselamatan negara. Pejuang-pejuang paramilitari yang turut bersama-sama menentang komunis sejak 1940an juga telah membuatkan aktiviti subversif komunis akhirnya menemui jalan buntu.

Naratif dalam buku *Agi Idup Agi Ngelaban: Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari Dan Rejimen Renjer Diraja* ini ialah tentang semangat kepahlawanan dan keperwiraan pasukan Rejimen Renjer dan juga paramilitari yang telah bertarung nyawa menentang musuh negara iaitu komunis. Lebih menarik adalah kerana penceritaan dalam buku ini dibuat oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam medan pertempuran. Selain daripada naratif pertempuran turut diceritakan juga ialah peranan, tugas dan tanggungjawab mereka semasa berkhidmat dengan Rejimen Renjer Diraja. Sudah tentunya mereka mempunyai naratif yang menarik untuk dihayati dan dihargai oleh generasi-generasi yang akan datang.





Kepada penulis-penulis buku *Agi Idup Agi Ngelaban: Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari Dan Rejimen Renjer Diraja* iaitu Profesor Madya Dr Neilson Ilan Mersat, Dr Regina Garai dan Lt Kol (B) Mohd Melintang Abdullah daripada Universiti Malaysia Sarawak saya ucapkan tahniah dan syabas. Mereka telah berjaya berjumpa serta mendapatkan naratif daripada seramai 22 orang tokoh dan pejuang-pejuang untuk menceritakan detik penting dalam sejarah keselamatan negara dan Angkatan Tentera Malaysia. Saya yakin pendokumentasian seperti ini merupakan satu sumbangan kepada sejarah Rejimen Renjer Diraja dan pejuang-pejuang paramilitari memburu musuh yang sama iaitu komunis. Mereka telah berjuang dan menjulang cogan kata *Agi Idup Agi Ngelaban*.

Akhir sekali tahniah kepada Universiti Malaysia Sarawak di atas penerbitan buku *Agi Idup Agi Ngelaban: Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari Dan Rejimen Renjer Diraja*

**AGI IDUP AGI NGELABAN**

**TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI ALMARHUM**  
**TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**  
**Raja Negeri Perlis**

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Pahang), D.K. II (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Grand Order of King Tomislav (Croatia), Grand Collier De L'Independence (Grand Medal of the Independence) - Cambodia, Grand Croix De L'Ordre (Royal Sash) - Cambodia, Cavaliere Di Gran Croce Decorato Di Gran Cordone (Italy), Qiladah Badr Al-Kubra (Arab Saudi), Decoration of Omayad - The Finest Decoration (Syria), Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden), Grand Cordon of the Order of the Sacred Treasure (Japan).





## Sekapur Sirih

Pasukan keselamatan merupakan benteng yang terakhir dalam mempertahankan keselamatan sesebuah negara. Perjuangan Rejimen Renjer Diraja semasa menentang komunis di Malaysia telah tercatat dalam sejarah negara. Begitu juga dengan penglibatan pasukan paramilitari seperti penjejak-penjejak (*trackers*) dan *Border Scouts* daripada Sarawak. Mereka berjuang untuk negara dan bangsa bertunjangan semangat keberanian yang tinggi iaitu *Agi Idup Agi Ngelaban*. Peristiwa darurat yang berlarutan selama 12 tahun (1948-1960) di Persekutuan Tanah Melayu merupakan zaman kemuncak perjuangan menentang komunis di negara ini. Ancaman daripada pihak komunis di Sarawak bermula pada awal tahun 1950-an dan diteruskan selepas berakhirnya peristiwa konfrontasi pada tahun 1966. Ancaman komunis di Sarawak berakhir hanya dengan satu perjanjian damai antara pihak komunis dengan kerajaan Malaysia yang dimetrai pada tahun 1990.

Sebagai sebuah universiti yang terletak di Borneo, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sememangnya memberikan sokongan serta menggalakkan para penyelidik di UNIMAS sentiasa menjalankan penyelidikan pada tahap yang memberangsangkan. Ini bertujuan untuk menambah khazanah ilmu berkaitan dengan pelbagai aspek yang melibatkan komuniti di Borneo. Justeru, Ini sememangnya selari dengan peranan UNIMAS sebagai sebuah universiti yang berpacukan komuniti atau "*Community-Driven University*".

Barisan penulis buku *Agi Idup Agi Ngelaban: Naratif Pejuang-Pejuang Paramilitari Dan Rejimen Renjer Diraja* telah menjalankan penyelidikan mereka secara ilmiah dalam menghasilkan karya bermutu ini. Umum mengetahui, terdapatnya kisah-kisah perit telah diketengahkan



dalam buku ini yang sememangnya belum pernah didokumentasikan dan hanya dalam ingatan pihak yang terlibat. Naratif penulisan karya ini adalah bertujuan bagi mengisi kelompangan di samping mengiktiraf sumbangan besar Rejimen Renjer Diraja dan pasukan paramilitari demi keselamatan negara. Para penulis telah mendapatkan data bukan sahaja dengan menemu bual 22 orang tokoh dalam buku tersebut tetapi juga telah menyemak rekod-rekod berkaitan dengan insiden-insiden pertempuran untuk memastikan fakta yang diperolehi adalah tepat dan jitu. Sumber-sumber awal juga telah dirujuk untuk memastikan kesahihan maklumat yang diterima. Para penyelidik juga telah pergi ke lapangan dan melihat sendiri tiga tapak serangan hendap yang dilakukan oleh komunis di Sarawak, iaitu, di Sungai Katibas, Kapit (21 Januari 1971), Sungai Ngemah, Kanowit (27 Ogos 1970) dan di Sungai Kedup, Sarikei (27 Oktober 1971).

Akhir sekali syabas diucapkan kepada ketiga-tiga penulis buku ini iaitu Profesor Dr. Neilson Ilan Mersat, Dr Regina Garai dan Lt Kol Mohd Melintang bin Abdullah (Bersara). Sememangnya diharapkan agar melalui pendokumentasian yang diterbitkan oleh Universiti Malaysia Sarawak ini dapat mencerminkan segala sumbangan dan pengorbanan anggota keselamatan kita agar sentiasa disanjung serta segar dalam ingatan semua rakyat Malaysia.

### **AGI IDUP AGI NGELABAN**

Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak

## Prakata

Perjuangan Rejimen Renjer Diraja semasa menentang komunis di Malaysia telah tercatat dalam sejarah negara. Peristiwa darurat yang berlarutan selama 12 tahun (1948 – 1960) adalah merupakan zaman kemuncak dalam kebangkitan perjuangan komunis di negara ini. Penglibatan penjejak-penjejak (*trackers*) daripada Sarawak yang berpegang teguh kepada semangat perjuangan *Agi Idup Agi Ngelaban* yang telah bermula seawal tahun 1948 membuktikan bahawa perjuangan menentang komunis di negara ini telah berlarutan dengan begitu lama.

Keadaan keselamatan menjadi lebih genting apabila berlakunya konfrontasi Malaysia-Indonesia pada tahun 1964 sehingga tahun 1966 iaitu selepas pembentukan Malaysia diumumkan. Konflik terbuka di antara kedua-dua buah negara tercetus dan hubungan bilateral terputus. Ancaman daripada pihak komunis, khususnya di Sarawak, diteruskan selepas berakhirnya peristiwa konfrontasi dengan harapan bahawa mereka (komunis) mampu menggulingkan kerajaan. Namun impian itu tidak menjadi kenyataan dan satu perjanjian damai di antara pihak komunis dan kerajaan telah diadakan pada tahun 1990 untuk menutup tirai perjuangan komunis di Sarawak.

Dalam perjuangan menentang seteru nombor satu negara, iaitu komunis, yang berlarutan selama berpuluh-puluh tahun, banyak nyawa anggota keselamatan, pengganas komunis dan juga orang awam telah terkorban. Anggota-anggota keselamatan yang terlibat dalam pertempuran dengan pihak komunis mempunyai banyak kisah pahit maung perjuangan mereka. Pengalaman yang berharga seperti itu perlu dikongsikan dengan rakyat Malaysia. Generasi pada masa kini perlu mengetahui sejarah bagaimana keamanan dicapai dan dikekalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka lahir semasa negara sudah menjadi aman dan tenteram.



Buku ini adalah merupakan naratif pejuang-pejuang negara daripada Rejimen Renjer Diraja dan beberapa orang dari pasukan paramilitari dalam menentang pihak pengganas komunis. Naratif personaliti-personaliti dalam buku ini adalah berdasarkan pengalaman sebenar yang mereka alami semasa menentang atau bertempur dengan pengganas komunis. Apa yang pasti ialah ada kisah-kisah perit ini belum pernah didokumenkan dan hanya dalam ingatan mereka yang terlibat sahaja. Naratif dalam buku ini adalah bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut di samping mengiktiraf sumbangan besar Rejimen Renjer kepada keselamatan negara.

Penulis-penulis telah menjalankan penyelidikan yang begitu lama dan rapi demi menghasilkan buku ini. Mereka bukan sahaja menemu bual 22 orang tokoh dalam buku ini tetapi mereka juga telah menyemak rekod-rekod berkaitan dengan insiden-insiden pertempuran untuk memastikan fakta yang diperolehi adalah tepat dan jitu. Sumber-sumber awal juga telah dirujuk untuk memastikan kesahihan maklumat.

Akhir sekali jutaan terima kasih dirakamkan kepada semua yang membantu sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menghasilkan buku ini. Namun mereka tidak bertanggungjawab terhadap setiap pandangan dan pendapat yang disampaikan dalam buku ini. Segala kekurangan dan kelemahan dalam buku ini adalah tanggungjawab penulis-penulis sepenuhnya.

## Penghargaan

Dalam menghasilkan buku *Agi Idup Agi Ngelaban: Naratif Pejuang-pejuang Paramilitari dan Rejimen Renjer Diraja* banyak pihak telah terlibat. Berbagai-bagai sumbangan sama ada dalam bentuk bahan bertulis, foto, idea serta pandangan yang bernas mahupun sokongan moral yang sangat berharga telah diterima daripada pihak tertentu dan orang perseorangan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih pertama kali kami ucapkan kepada Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Sarawak yang telah memberikan kebenaran serta peluang dan ruang kepada kami untuk menghasilkan buku ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana telah memberikan sokongan dalam memulakan projek ini.

Penulis-penulis juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Persatuan Veteran Tentera Kor Renjer (PVTKR) yang telah banyak membantu dalam menghubungi dan memperkenalkan penulis-penulis kepada personaliti-personaliti yang terkandung dalam buku ini. Terima kasih juga kepada Perpustakaan Negeri Sarawak (PUSTAKA) yang telah banyak membantu dalam memudahkan kami mendapatkan bahan rujukan untuk penulisan buku ini.

Berbanyak terima kasih diberikan kepada kesemua 22 orang tokoh yang terkandung dalam buku ini, Lt Kol Fabian Wong Boon Soon (Bersara), Lt Kol James Tomlow anak Isa (Bersara), Sarjan Midong anak Gunde (Bersara), Lt Kol Mohd Melintang Abdullah (Bersara), Koperal Nyayang anak Angie (Bersara), Lt Kol Robert Rizal Abdullah (Bersara) PGB, Pegawai Waran 1 Salang anak Kara (Bersara), Koperal Sigai Nawan (Bersara) PGB, Mejar Sharkawi bin Dawi (Bersara), Mejar Sylvester Pungga anak Bunchol (Bersara), Mejar Michael Riman anak Bugat (Bersara) PGB, Leftenan Jeneral

# Indeks

## A

- Agi Idup Agi Ngelaban 11-15, 22-27, 35, 46,  
53, 65, 65, 67, 72, 76, 7782, 89, 99, 117,  
121, 153, 174, 194, 205, 206, 214, 215,  
218, 227, 231, 235, 239, 249, 271, 272,  
275, 281
- Anwar Basha Khan 31-39, 151-153,
- Asajaya 191, 255
- Asia Tenggara 17, 18, 45, 47
- Askar Melayu Diraja 90, 150, 247, 254, 286
- Assassination list 109, 112
- Awang anak Raweng 16, 20, 41-56, 71,  
118, 125, 198, 274,
- Azimat 111, 284

## B

- Bajau anak Ladi 16, 59-57
- Bandi anak Apat 16, 69-76
- Battalion 21, 31, 54, 98, 102, 107, 119, 138,  
187, 188, 195, 235, 237, 253
- Batu Lintang 102, 103, 253, 256, 269, 275,
- Batu Luking 178, 182
- Beratok 26, 275
- Biawak 253

Blok Barat 17, 18

Blok Timur 17, 18

*Border Scouts* 11, 24, 29, 67, 112, 132, 175,  
176, 178, 180, 184, 195, 196, 226, 255,  
258, 274, 275

British Army 72

Brunei 21, 22, 71, 106, 107, 265, 266, 268,  
272,

Buckingham Palace 50, 56

## C

- Charles Brooke 18, 19
- Civic Action Group 33
- Claret (Operasi Claret) 103, 254, 269, 275,  
284,

## D

- Dajai anak Anggie 16, 24, 77-88, 96, 255
- Darurat 11, 13, 19, 20, 21, 41, 90, 202, 236,  
274, 275
- David Fu Chee Ming 7, 16, 24, 89, 90-96,  
279
- Defense Agreement 24,
- Dunstan Nyaring Angking 16, 28, 59, 75,  
97, 98, 99, 100-104, 119



## E

England 2  
Eritrea 170, 171  
Ethiopia 169-171

## F

Fabian Wong Boon Soon 15, 25, 26, 105-115  
Far East Land Forces 20, 21, 118  
Food dump 134, 181  
*Fortmen* 18, 274, 282

## G

Gabenor 21, 47, 49, 74, 75, 99, 118, 121  
Ganyang Malaysia 100, 102, 243, 254  
*George Cross* 20, 45, 47-49, 53-56, 118, 125, 282  
*George Medal* 20, 118, 282  
Gopsill (Fairy Gopsill) 19, 121, 122  
Gurkha 21, 59, 77, 107, 119, 137, 149, 175, 241, 283

## H

Hartal 254, 266, 271  
Hong Kong 71

## I

*Iban Trackers* 19, 20, 54, 282  
India 98, 101, 103, 130, 254, 266

## J

James Tomlow anak Isa 15, 77, 117-123, 195, 196  
Jepun 19, 43  
Jerangkap Samar 141, 143, 146, 165, 201, 203, 211, 212, 214, 224  
Julau 24, 80, 179

## K

Kalimantan 78, 98, 100, 108, 126, 189, 243, 283, 284  
Kanowit 12, 19, 24, 26, 310, 31, 105, 110, 118, 125, 132, 150-155, 175, 179, 195, 196, 225, 228, 258  
Katibas 12, 32, 33, 37, 39, 40, 132, 154, 155, 176, 179, 259  
Kelepu 32  
Kerangan Bunggang 259  
*Killing zone* 34, 283  
Kompeni 28, 31, 33, 46, 60, 64, 78, 79, 80, 64, 85, 88, 90-94, 102, 107, 121-123, 138, 140, 161, 165, 176, 178, 189-193, 200, 212-216, 233, 243, 253, 255, 269, 274, 275, 281, 283  
Komunis 11-48, 61, 62, 72-79, 81-86, 90-99, 108-118, 125, 130-138, 140-149, 150, 152, 155, 162-164, 176-199, 202-205, 209, 211-218, 220-227, 246-248, 254, 255, 258, 259, 270-276, 282-286,  
Konfrantasi 11.13.42, 73, 74, 76, 78, 100-107, 137, 149, 200, 218, 219, 222, 241, 243, 256, 269, 274, 275, 284

## L

Leading scout 45, 54, 100, 130, 175, 181, 182, 184, 189, 190, 270  
Lenggu anak China 24, 33, 34, 152, 153, 156, 259,  
Limbang 105, 106, 118, 266  
Linus Lunsong Janti 16, 125-136, 226  
Long Merarap 118  
Long Semado 118, 267, 268  
Lau King Howe 36, 37, 153  
Lubok Antu 69, 78, 102, 103, 118, 217, 218, 269, 275  
Lubok Garan 24, 175, 176, 179  
Lundu 59, 74, 100, 103, 107, 118, 149, 204, 217, 218, 253



**M**

Majau 176, 179, 182  
 Malaysia Rangers 21, 126, 269, 274  
 Mao Tse Tung 18  
 Menggong anak Pangg 20, 118, 274  
 Michael Riman anak Bugat 15, 24, 137-148, 198  
 Midong anak Gunde 15, 35-38, 149-156,  
 MINDEF 38, 132, 135, 146,  
 MIO (Military Intelligence Officer) 108,  
 109, 112, 132, 226, 254, 283,  
 Military Academy Sandhurst 118, 161,  
 Mohd Melintang Abdullah 159-174

**N**

Nanga Bangkit 33, 34, 151, 152  
 Nanga Engkuah 24, 32-36, 150-153  
 Nanga Lijan 181  
 Nanga Skrang 41-43, 48, 49, 53, 54, 56  
 Nyayang anak Angie 24, 132, 175-185

**O**

Operasi Cahaya Bina 146, 163  
 Operasi Iblis 61, 65  
 Operasi Selamat Sawadee 146, 163, 212,  
 246,  
 Operasi Spear Head III 26, 31, 32, 33, 37,  
 84, 85, 132, 134, 150, 255

**P**

Panglima Gagah Berani (PGB) 79, 86, 89,  
 96, 130, 144, 195, 225, 227, 255, 284  
 PARAKU 99, 100, 104, 189, 190-193, 243,  
 284  
 Parti Komunis Malaya 90  
 Pegawai Waran 15, 16, 21, 24, 33, 345,  
 102, 152, 153, 156, 259, 283, 284  
 Pemberontakan 21, 266, 272

Pendam Bungkang 29, 30, 112, 258, 259,  
 Perang Dingin 17  
 Perang Dunia Ke-2 17  
 Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB)  
 112, 165, 166, 170  
 Pingat Jasa Malaysia 48, 55, 86, 146, 173,  
 215  
 Platon 20, 31, 32, 43, 46, 60-63, 79, 80-84,  
 88, 90, 92, 93, 107, 127, 130, 138, 140,  
 142, 144, 145, 161, 163, 173,  
 188, 189, 191, 192, 205, 211,  
 212, 214  
 Platon Ngelaban 130, 138, 140, 142, 144, 145  
 Port Dickson 21, 32, 59, 60, 135, 160, 210  
 PULADA (Pusat Latihan Darat) 84, 130,  
 161, 201

**Q**

*Quarter Master (QM)* 244, 247  
 Queen Elizabeth II 49, 50, 55, 56

**R**

RASCOM (Rajang Security Command)  
 24, 25, 26, 79, 987, 104, 108, 121,  
 132, 134, 176, 195, 237, 275, 285  
 Regimental Signal Officer (RSO) 32  
 Rejimen Renjer Diraja 162, 174, 187,  
 195, 199, 206, 210, 233, 235, 273, 281  
 RMC (Royal Military College) 31, 98,  
 126, 210  
 Robert Rizal Abdullah 187-197, 198, 278

**S**

Salang 15, 199-207, 280  
 Sarawak Rangers 18-22, 42, 53, 76, 102, 107,  
 118, 261, 263, 269, 271, 274, 278, 281,  
 283  
 Selatan Thailand 78, 90-92, 146, 164, 247,  
 Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) 284





Serian 95, 118, 189, 190, 247  
SBPU (Special Branch Probing Unit) 132,  
176, 217, 226  
Sharkawi bin Dawi 15, 115, 209-216  
Special Branch 132, 176, 189, 195, 217,  
226,  
Siburan 26, 275  
Sigai 8, 15, 132, 217-229, 280  
Sir Alexander Waddle 118, 121  
Skuadron 130, 131, 150  
Stephen Mundaw 8, 16, 42, 101, 231-239  
Suharto 108  
Sukarno 102, 269  
Sungai Jih 110, 111  
Sungai Kedup 13, 77, 79, 80, 83, 84, 88  
Sungai Petani 77, 78, 107, 119, 253  
Sungai Tulai 85, 86  
Sungai Udang 128-130, 135, 219  
Suvla Line 138, 140, 242, 243, 253  
Syed Putra 149  
Sylvester Punga anak Bunchol 8, 241-  
249, 280

## T

Tangkal 74, 133, 177, 257, 284  
Tanjung Batu Babi 33, 34, 37, 39  
Teori Domino 17  
TNI (Tentera Nasional Indonesia) 79, 129,  
286, 150, 151, 154, 156, 259  
Trackers 19, 20, 41, 45, 54, 71, 118, 131, 274,  
282  
Tutong 22  
*Truncheon* 59, 74-76, 275  
Tuai Rumah 33, 41, 48, 50, 56, 84, 151, 152,  
195, 196

## U

Ubong anak Nuing 104  
Ulu Baram 253  
Ulu Tiram 119, 146, 200, 201

## W

Walter Ted Wong 16, 102, 251-261  
Wardieburn 38, 200  
Wilfred Billy Panyau 16, 21, 263-272  
*Worcestershire Regiment* 46, 51, 53, 54

## *Latar Belakang Penulis*



**Neilson Ilan Mersat** ialah Profesor di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (1990) dan Sarjana (1993) dalam bidang Sains Politik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau melanjutkan pelajaran di The Australian National University, Canberra, Australia dan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa pada tahun

2005. Beliau pernah mendapat tawaran menjadi *Visiting Scholar* di Southern Illinois University, Carbondale (1998), American Study Centre di Salzburg, Austria (1999) dan Jabatan Sains Politik di National Taiwan University, Taipei (2008). Beliau juga pernah menjalankan penyelidikan tentang parti-parti politik, pilihan raya, politik etnik, Iban Diaspora, Penggunaan Sumber dan Pengetahuan Pribumi (*Indigenous Knowledge*). Beliau pernah dilantik menjadi Timbalan Dekan (2009-2013) dan Dekan di Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (2014-2020) Universiti Malaysia Sarawak. Kini beliau bertugas sebagai Pengarah, Bahagian Penerbitan di Universiti Malaysia Sarawak.



**Regina Garai** ialah pensyarah kanan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (1996) dan Sarjana (2000) dalam bidang Perancangan Bandar dari University of Newcastle upon Tyne, United Kingdom. Pada tahun 2017 beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Geografi Kemanusiaan



dari Victoria University of Wellington, New Zealand. Beliau berminat dan berpengalaman melakukan kajian penyelidikan berkenaan komuniti-komuniti di Sarawak, terutama dalam bidang sosio-ekonomi, pembangunan dan geografi kemanusiaan.



**Lt Kol Mohd Melintang bin Abdullah (Bersara)** berasal dari Selanjau Sebemban di Sri Aman. Beliau memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan Korporat dari Universiti Malaysia Sarawak (2004). Beliau ditauliahkan ke Kor Rejimen Renjer Diraja pada 21 Disember 1978 setelah menjalani latihan kadet di Maktab Tentera Diraja Sungai Besi, Kuala Lumpur. Beliau juga pernah bertugas dengan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu sebagai Pemerhati

Tentera di *United Nations Observer Mission in Liberia (UNOMIL)* 1996, *United Nations Mission in Ethiopia Eritrea (UNMEE)* 2006, *United Nation Mission African Union Mission in Dafur (UNAMID)* 2008 dan ditumpangkan ke Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu sebagai Pegawai Perhubungan Tentera Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu ke African Union (Kesatuan Africa) 2009-2012. Menamatkan perkhidmatan dari Angkatan Tentera Malaysia pada 21 Disember 2014 setelah 36 tahun berkhidmat dalam tentera. Kini beliau bertugas sebagai Pengarah Bahagian Keselamatan di Universiti Malaysia Sarawak.

# AGI IDUP AGI NGELABAN

NARATIF PEJUANG-PEJUANG  
PARAMILITARI DAN REJIMEN RENJER DIRAJA

Perjuangan menentang penganas komunis merupakan satu cabaran yang amat besar kepada negara kita. Beribu-ribu nyawa telah melayang akibat daripada pertelagahan yang berlarutan berpuluh-puluh tahun lamanya. Keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati pada hari ini adalah hasil daripada titik peluh perjuangan dan tumpahnya darah mereka yang telah menumpaskan penganas komunis di medan pertempuran.

Sejarah perjuangan pasukan keselamatan negara seperti tentera dan polis dibantu oleh pasukan paramilitari telah memperlihatkan pencapaian kerja yang cemerlang serta harus disanjung dan diiktiraf oleh semua rakyat Malaysia. Buku *Agi Idup Agi Ngelaban* memberikan tumpuan kepada perjuangan pasukan Rejimen Renjer yang kemudian dikenali sebagai Rejimen Renjer Diraja dalam menentang dan seterusnya menghapuskan penganas komunis di seluruh negara. Perjuangan Rejimen Renjer yang berteraskan slogan “*Agi Idup Agi Ngelaban,*” telah bersama-sama dengan pasukan-pasukan keselamatan dan juga pasukan paramilitari yang lain telah berjaya menundukkan penganas komunis.

Buku ini mengandungi cerita sebenar atau naratif yang dikongsikan oleh seramai 22 orang pejuang tanah air kita daripada pelbagai unit dan pangkat. Sebagai seorang anggota keselamatan sudah tentunya mereka terlibat secara langsung dengan aktiviti menjaga keamanan negara serta sarat dengan pengalaman yang menarik. Ada di antara mereka terlibat secara langsung dengan beberapa siri pertempuran dan serang hendap oleh pihak musuh. Bagi mereka yang lebih menyerlah keberaniannya, mereka telah dianugerahkan pingat keberanian seperti Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dan Panglima Gagah Berani (PGB). Turut dimuatkan bersama-sama dalam buku ini ialah naratif beberapa orang daripada pasukan paramilitari yang ada kaitan langsung perjuangan dengan Rejimen Renjer seperti *Jungle Trackers* dan juga *Border Scout*. Walaupun berstatus pasukan paramilitari, pasukan *Jungle Trackers* dan *Border Scout* mempunyai tujuan yang sama dengan Rejimen Renjer iaitu untuk menghapuskan musuh yang sama iaitu komunis. Buku ini bertujuan untuk memaparkan kisah mereka agar sumbangan dan pengorbanan mereka tetap abadi dalam kenangan setiap generasi rakyat Malaysia di masa akan datang. *Agi Idup Agi Ngelaban*.

  
**UNIMAS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
**PUBLISHER**

